

16/09/2000

Buku diharamkan jika hina Islam

Yahya Awang

PARIT BUNTAR, Jumaat - Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan mengharamkan buku Islam Optimis Melangkah Ke Alaf Baru: Mengapa Pilih Parti Islam? tulisan Ibnu Daulah jika kandungannya disahkan bercanggah dan menghina Islam.

Timbalan Menterinya, Datuk Zainal Abidin Zin, berkata pihaknya kini dalam usaha mendapatkan pandangan daripada pihak berkuasa agama, sama ada Jabatan Agama Islam negeri atau Pusat Islam sebelum tindakan selanjutnya diambil.

Menurutnya, sehingga kini KDN masih belum menerima laporan atau cadangan daripada pihak berkuasa agama berhubung status isi kandungan buku berkenaan.

"Kalau sudah ada pandangan dan laporan daripada pihak berkuasa agama Islam yang menyatakan isi kandungan buku itu bercanggah dengan agama Islam, maka kementerian akan mengkaji untuk mengharamkannya," katanya selepas menyampaikan bantuan kepada 20 mangsa ribut oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Gunung Semanggol dan Selinsing, di Simpang Empat Semanggol, dekat sini, hari ini.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan kandungan buku itu yang menghina Nabi Muhammad dan agama Islam, selain menyamakan pemimpin Pas dengan Rasulullah.

Menurut Zainal Abidin, kerajaan akan bertindak tegas mengharamkan sebarang penerbitan yang mempunyai unsur yang boleh merendahkan pandangan penganut agama lain terhadap Islam demi menjaga kesucian agama itu.

Katanya, KDN dalam perbincangan Rabu lalu belum membuat keputusan mengenai buku itu dan pada mesyuarat berkenaan, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan untuk mengkaji mengharamkan buku itu.

Mengenai kejadian tiga rakyat negara ini diculik di Pulau Pandanan, Sabah oleh kumpulan yang dipercayai dari selatan Filipina, beberapa hari lalu, Zainal Abidin berkata, kerajaan mahu memastikan peristiwa itu tidak berulang.

"Kerajaan akan meningkatkan kawalan keselamatan di resort dan pulau peranginan di Sabah dan Sarawak yang dikenal pasti berisiko tinggi diceroboh pihak asing bagi memastikan pelancong di situ berasa selamat.

"KDN akan meningkatkan jumlah anggota polis dan polis marin, selain membekalkan mereka dengan pelbagai kemudahan, termasuk bot peronda dan senjata canggih," katanya.

Menurutnya, rakyat juga mesti melaporkan segera kepada pihak berkuasa jika melihat ada orang yang mencurigakan di kawasan mereka.

(END)